

19 MAY 2001

Umno-Lawatan

BADAN PERHUBUNGAN UMNO SABAH ADAKAN LAWATAN KESEMUA BAHAGIAN

KOTA KINABALU, 19 Mei (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Sabah akan melawat ke semua 20 bahagiannya di seluruh Sabah bagi tujuan merapatkan semula barisan berikutan tamatnya mesyuarat pemilihan, kata Pengerusi badan tersebut Datuk Osu Sukam.

Beliau berkata lawatan itu juga akan memantapkan parti agar perpaduannya tidak terjejas akibat pertandingan bagi merebut jawatan-jawatan dalam pemilihan tersebut.

"Anggota dari Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno juga akan turut melawat semua bahagian sebagai usaha untuk mendekati generasi muda," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini hari ini.

Osu berkata lawatan itu akan diadakan secepat mungkin.

Mesyuarat hari ini juga merupakan mesyuarat pertama bagi badan perhubungan itu setelah berakhirnya mesyuarat pemilihan bulan lepas.

Mengenai isu lain, Osu berkata Ketua Bahagian Umno Bandau Jelani Hamdan yang juga menjawat jawatan Ketua Pemuda bahagian itu telah memaklumkan kepada badan perhubungan negeri mengenai hasratnya untuk meletak jawatan sebagai ketua pemuda bahagian itu.

Osu berkata jawatannya itu akan dipegang oleh timbalan ketua pemuda bahagian itu.

Jelani hanya akan menjawat jawatan ketua bahagian bagi kawasan itu berikutan nasihat presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya anggota Umno hanya memegang satu jawatan sahaja.

--BERNAMA

HAK RI